

**ANALISIS DAN REKA BENTUK ANIMASI DUA DIMENSI TEKS DAN GRAFIK
DALAM PEMBELAJARAN MORFOLOGI BAHASA ARAB**

OLEH :

**JANUDIN BIN SARDI @ MOHD YUSOP
ASMA' BINTI AMMAR**

JANUARI 2012

Kandungan

1. Surat Penyerahan Laporan	iv
2. Surat Tawaran Menjalankan Penyelidikan	v
3. Penghargaan	vi
4. Tajuk Projek Penyelidikan dan Objektif	vii
5. Laporan	1
5.1 Ringkasan Eksekutif	1
5.2 Abstrak	1
5.3 Pengenalan	2
5.4 Pernyataan masalah	2
5.4.1 Objektif kajian	3
5.4.2 Persoalan kajian	3
5.4.3 Skop kajian	3
5.4.4 Definisi istilah	4
5.5 Kajian Literatur	4
5.5.1 Bahan Bahasa Arab Dalam Talian	4
5.5.2 Bahasa Arab dan Teknologi Animasi	7
5.6 Metodologi Kajian	8
5.7 Proses Pembangunan Perisian Kursus	9
5.7.1 Fasa Analisis	10
5.7.2 Fasa Reka Bentuk	16
5.7.3 Fasa Pembangunan	19
5.8 Dapatan dan Perbincangan	25
5.9 Kesimpulan dan Cadangan	29
5.10 Rujukan	30
6. Hasil Penyelidikan	32
7. Lampiran	33

1. Surat Penyerahan Laporan

Janudin bin Sardi @ Mohd Yusop

Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Prof. Dr. Abu Bakar Majid

Penolong Naib Canselor
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

30 JANUARI 2012

Prof.,

PENYERAHAN LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN BERTAJUK “ANALISIS DAN REKA BENTUK ANIMASI 2D TEKS DAN GRAFIK DALAM PEMBELAJARAN MORFOLOGI BAHASA ARAB”

Perkara di atas adalah merujuk surat tawaran menjalankan penyelidikan, No Fail RMI: 600-RMI/SSPDANA 5/3/Dsp (302/2009) bertarikh 20 Januari 2010.

Dengan sukacitanya, saya selaku ketua penyelidik bersama seorang ahli projek, Pn. Asma' binti Ammar ingin menyerahkan laporan berkenaan. Pihak kami memohon maaf kerana tidak dapat menyiapkan projek di atas mengikut perancangan awal. Dalam pada itu, pihak kami mengucapkan jutaan terima kasih dengan kelonggaran masa, kerjasama dan panduan yang diberikan oleh pihak RMI untuk menyiapkan projek ini.

Bersama ini disertakan 2 salinan laporan projek berkenaan untuk tindakan pihak RMI selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


JANUDIN BIN SARDI @ MOHD YUSOP
Ketua Penyelidik

s.k.

Ahli Projek,
Pn. Asma' binti Ammar

5. Laporan

5.1 Ringkasan Eksekutif

Kajian ini berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab, teknologi animasi interaktif, pembangunan aplikasi multimedia, dan sistem reka bentuk instruksi. Ia menumpukan kajian mengenai pembelajaran Bahasa Arab yang diperhatikan semakin menarik dan pelbagai jika diterapkan elemen teknologi dalam pembelajarannya. Pendekatan terkini memperlihatkan teknologi multimedia digunakan dalam menghasilkan perisian kursus yang lebih kreatif dan menarik. Kajian ini menyasarkan pembangunan teknologi animasi digital 2D berasaskan web dalam pembelajaran Morfologi Arab tahap permulaan yang memfokuskan animasi interaktif teks (aksara Arab) dan grafik. Perisian ini menawarkan fleksibiliti pengguna dalam mengaksesnya, tarikan pembelajaran yang menarik melalui persembahan elemen multimedia seperti teks, grafik dan animasi, di samping pengguna juga mudah menerokai semua pautan di dalamnya. Justeru, kajian ini memberi impak untuk mendedahkan penggunaan teknologi animasi interaktif berasaskan web dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Impak tersebut didapati melalui model pembangunan perisian bahasa Arab berasaskan teknologi animasi interaktif yang menjadi panduan dalam menghasilkan prototaip perisian kursus Morfologi Arab berkenaan. Oleh itu, kajian ini penting kerana ia menjadi inovasi kepada proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab menggunakan TMK dan boleh dikembangkan khususnya kepada pengajar/pusat/jabatan/kementerian/agensi yang bertanggungjawab untuk mengembang dan menghasilkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

5.2 Abstrak

Pendekatan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memperlihatkan teknologi multimedia digunakan dalam menghasilkan perisian kursus yang lebih kreatif dan menarik, seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Kajian ini menyasarkan penggunaan TMK dalam pembelajaran bahasa Arab bagi subjek Morfologi Arab tahap permulaan, khususnya berkaitan dengan teknologi animasi interaktif dalam talian. Kaedah lapangan lebih banyak digunakan kerana teknologi ini melibatkan penggunaan perisian komputer untuk menghasilkan imej dan membentuk pergerakan untuk menghasilkan produk yang disasarkan. Kajian menelusuri proses pembangunan sebuah aplikasi untuk meningkatkan pemerolehan pelajar dalam menguasai bahasa Arab peringkat

permulaan. Proses pembangunan aplikasi adalah berdasarkan model pembangunan perisian bahasa Arab yang dirangka dengan menjadikan model reka bentuk instruksi ADDIE sebagai panduan aliran kerja. Kajian menumpukan hanya 3 peringkat awal pembangunan dalam model ADDIE, iaitu analisis, reka bentuk dan pembangunan. Dapatan kajian menunjukkan satu model perisian Morfologi Arab berjaya dibina dan melaluinya satu prototaip perisian telah dibangunkan. Prototaip tersebut mempunyai beberapa kelebihan, antaranya fleksibiliti pengguna dalam mengakses perisian, tarikan pembelajaran yang menarik melalui persembahan animasi teks (aksara Arab) dan grafik melalui beberapa teknik dan kesan animasi 2D. Elemen interaktif pula membolehkan pengguna mengikuti pembelajaran dan menerokai semua pautan di dalamnya dengan mudah.

Kata Kunci: Pembelajaran Bahasa Arab, Teknologi Animasi Interaktif, Pembangunan Aplikasi Multimedia, Sistem Reka Bentuk Instruksi

5.3 Pengenalan

Antara aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa ialah penguasaan kosa kata dan nahu. Dalam bahasa Arab, nahu atau tatabahasa gunaan (*applied grammar*) berperanan dalam membentuk kemahiran berbahasa. Pembelajaran nahu ini melibatkan pemahaman tentang sintaksis dan morfologi. Namun pendekatan pengajaran nahu tersebut masih menggunakan pendekatan lazim di dalam kelas yang menggunakan alat bantu mengajar seperti carta, graf, grafik dan ilustrasi yang menarik untuk membantu pemerolehan pelajar (Ahmad Kilani, 2001).

5.4 Pernyataan masalah

Pendekatan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) ialah pengajaran berbantuan komputer dan internet. Komputer memudahkan pengajar untuk menyiapkan bahan bantu mengajar, terutamanya perisian persembahan Microsoft Powerpoint yang menyediakan kemudahan aksara Arab (*complex script text*). Namun, untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif kepada pelajar agak sukar disediakan, terutamanya dari segi kandungan kursus yang menggunakan elemen multimedia interaktif, dan lebih-lebih lagi yang melibatkan penggunaan aksara Arab.

Setiap individu sentiasa mencari pelbagai alternatif dan kaedah untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan. Dengan aktiviti yang kreatif dan menarik, pembelajaran bahasa Arab akan menjadi lebih mudah dan efisien. Penggunaan teknologi animasi interaktif dalam talian dapat menjadikan wadah